



**Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)**

Rujukan: UKM.JCN. 600-5/1/1  
Tarikh: 26 April 2022

**PEKELILING AKADEMIK BIL. 15/2022**

**Semua Dekan/Pengarah**  
Fakulti/Institut/Pusat  
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan

**PELEPASAN KULIAH, AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P), DAN SEBARANG BENTUK PENILAIAN PADA 30 MEI 2022 DAN 1 JUN 2022  
– SEMPENA HARI KAAMATAN DAN HARI GAWAI**

Dengan hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

Sehubungan dengan itu, bagi meraikan kepelbagaian latar belakang pelajar, Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bersetuju untuk memberikan pelepasan seperti yang berikut kepada semua pelajar seperti dalam **Jadual 1** bagi membolehkan para pelajar yang berkenaan meraikan perayaan tersebut:

- Memberi pelepasan kuliah dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran; dan
- Menangguhkan sebarang bentuk penilaian.

**Jadual 1: Kategori pelajar yang diberi pelepasan**

Bil.	Nama Perayaan	Pelajar yang diberi Pelepasan	Tarikh Pelepasan
1.	Hari Kaamatan	Pelajar yang berasal dari Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan yang meraikan Hari Kaamatan	30 Mei 2022 (Isnin)
2.	Hari Gawai	Pelajar yang berasal dari Negeri Sarawak yang meraikan Hari Gawai	1 Jun 2022 (Rabu)

Pihak universiti mengingatkan pelajar agar sentiasa mematuhi SOP bagi mengelakkan penularan wabak Covid-19. Kerjasama dan keprihatinan semua berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

**“Selamat Menyambut Hari Kaamatan dan Hari Gawai”**

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

**PROF. DR. MOHAMMAD BIN KASSIM**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

**PEJABAT NAIB CANSELOR**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Telefon: +603-8921 5016 Faks: +603-8921 4241 E-mel: [tncheaa@ukm.edu.my](mailto:tncheaa@ukm.edu.my) Web: [www.ukm.my/canselor](http://www.ukm.my/canselor)

- s.k.:
- Naib Canselor, UKM
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), UKM
  - Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni dan Masyarakat), UKM
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar), UKM
  - Pendaftar, UKM
  - Penasihat Undang-Undang, UKM
  - Pengarah, ROSH-UKM (Merangkap Pengerusi JK Tindakan Krisis UKM: Penyakit Berjangkit)
  - Timbalan Pendaftar, Pusat Pengurusan Akademik, UKM

**PEJABAT NAIB CANSOLOR**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Telefon: +603-8921 5016 Faks: +603-8921 4241 E-mel: [tncheaa@ukm.edu.my](mailto:tncheaa@ukm.edu.my) Web: [www.ukm.my/canselori](http://www.ukm.my/canselori)

**Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities**

[www.ukm.my](http://www.ukm.my)